

Kerajaan pertimbang wajibkan taska di tempat kerja

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan mungkin mewajibkan majikan sektor swasta dan awam menyediakan pusat jagaan kanak-kanak atau taman asuhan kanak-kanak (taska) di premis masing-masing bagi meningkatkan tenaga kerja wanita.

Beliau berkata, langkah itu akan dipertimbangkan bagi tujuan mencapai sasaran 59 peratus penglibatan kaum wanita dalam pasaran tenaga kerja di negara ini.

“Banyak wanita berhenti kerja atas pelbagai sebab dan ini merupakan antara langkah yang dapat diusahakan supaya wanita terpanggil untuk menceburi dunia kerjaya,” katanya ketika berucap pada majlis pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara Pejabat Penasihat Pem-

Ikhtisas Wanita (KIW) dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini semalam.

KIW diwakili oleh penasihatnya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil manakala UKM oleh Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Selain itu, Najib turut mencadangkan agar syarikat senarai awam di negara ini membuat program pepadanan bagi melantik wanita sebagai ahli lembaga pengarah atau jawatan tinggi pengu- rusan dalam organisasi masing-masing.

Beliau berkata, KIW di bawah Jabatan Perdana Menteri telah melatih 900 calon wanita berpotensi untuk layak menjadi ahli lembaga pengarah syarikat.

– Bernama



NAJIB (tiga dari kiri) dan Muhyiddin (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Shahrizat (dua dari kiri) dan Noor Azlan (dua dari kanan) di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam.